

## Unisza antara 10 universiti pilihan

**GONGBADAK** - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) merupakan antara 10 universiti awam terbaik di Malaysia yang menjadi pilihan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) melanjutkan pelajaran.

Naib Canselor Unisza, Profesor Datuk Dr Yahaya Ibrahim bersyukur dan mampu berbangga apabila Unisza kini mampu bersaing dengan universiti-universiti ternama di negara ini.

Menurutnya, lima universiti lain yang jadi pilihan pelajar ialah UM, USM, UKM, UiTM dan UPM.

"Tiga atau empat tahun lalu, orang tak kenal Unisza.. tapi hari ini kita mampu berbangga kerana dapat menjadi antara 10

universiti popular di negara ini selepas universiti penyelidikan.

"Sebanyak 70 peratus pelajar yang mendaftar untuk sesi 2016/2016 meletakkan Unisza sebagai pilihan pertama sehingga pilihan ketiga," katanya pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Memperkasakan Ketamadunan Islam dalam Abad ke-21 di Unisza Gong Badak, di sini.

Tambahnya, Unisza bukan sahaja menjadi universiti pilihan, malah beberapa kursus ditawarkan di tiga fakulti universiti berkenaan turut menjadi pilihan utama pelajar.

"Kita ada 10 fakulti terdiri daripada pelbagai bidang dan tiga fakulti yang menjadi pilihan utama ramai pelajar," katanya.